

K. P.U. 29.**ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008****PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II**PELESENAN**

3. Permohonan bagi lesen
4. Pemberian lesen
5. Tempoh dan pembaharuan lesen
6. Perubahan butir-butir pemegang lesen
7. Penggantian lesen
8. Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen
9. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan apabila dikehendaki

BAHAGIAN III**FI, CAJ DAN SEKURITI**

10. Fi lesen
11. Caj aktiviti badan perairan
12. Sekuriti
13. Mendapatkan wang yang kena dibayar

BAHAGIAN IV

KAWALAN AKTIVITI BADAN PERAIRAN

Bab 1

Aktiviti rekreasi sukan air

14. Kehendak kawalan aktiviti sukan air
15. Kawalan mitigasi
16. Keselamatan aktiviti rekreasi sukan air

Bab 2

Aktiviti vesel rekreasi

17. Kehendak kawalan aktiviti vesel rekreasi
18. Kawalan mitigasi
19. Keselamatan aktiviti vesel rekreasi

Bab 3

Aktiviti vesel pembinaan

20. Kehendak kawalan aktiviti vesel pembinaan
21. Kawalan mitigasi
22. Keselamatan aktiviti vesel pembinaan

Bab 4

Aktiviti sangkar

23. Kehendak kawalan aktiviti sangkar
24. Kawalan mitigasi
25. Keselamatan aktiviti sangkar

Bab 5

Aktiviti binaan

26. Kehendak kawalan aktiviti binaan
27. Kawalan mitigasi
28. Keselamatan aktiviti binaan

*Bab 6**Navigasi jalan air pedalaman*

29. Laluan layar selamat
30. Operasi feri
31. Keperluan mengurangkan had laju
32. Vesel di dalam keadaan bahaya atau tidak selamat
33. Vesel hendaklah dikemudikan oleh orang yang berkeelayakan
34. Keselamatan vesel
35. Kerosakan akibat ombak

BAHAGIAN V

AM

36. Salinan lesen diperakui sah
37. Penyerahan balik lesen
38. Carian
39. Pelanjutan masa
40. Pematuhan kepada undang-undang bertulis yang lain

BAHAGIAN VI

KECUALIAN

41. Kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

JADUAL KELAPAN

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH (AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 93(a), (i), dan (j), *Enakmen Sumber Air Kedah 2008 [Enakmen 7]*, Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini bagi Bab 4 dan 5 Bahagian IV Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015 mula berkuat kuasa pada 15 November 2015 kecuali bagi Bab 1, 2 dan 3 Bahagian IV Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015 berkuat kuasa pada 1 Jun 2016.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti badan perairan” ertinya apa-apa aktiviti yang dilesen yang dijalankan sama ada di atas atau di dalam badan perairan untuk apa-apa tujuan termasuklah tetapi tidak terhad kepada aktiviti rekreasi sukan air, aktiviti vesel rekreasi, aktiviti vesel pembinaan, aktiviti sangkar, aktiviti binaan dan sebarang aktiviti air yang lain;

“aktiviti binaan” ertinya apa-apa aktiviti melibatkan apa-apa struktur binaan kekal atau sementara sama ada yang berada di atas atau dalam atau sebahagian daripada badan perairan termasuklah tetapi tidak terhad kepada jeti, resort, restoran terapung, tambatan vesel, dan binaan yang lain;

“aktiviti rekreasi sukan air” ertinya aktiviti riadah sukan air termasuklah tetapi tidak terhad kepada yang menggunakan kelengkapan *jetski*, *banana boat*, kanu, perahu panjang, *parasailing*, bot kayuh, *snorkeling*, selam skuba dan sebarang aktiviti rekreasi sukan air yang lain;

“aktiviti sangkar” ertinya aktiviti melibatkan apa-apa penternakan dalam sangkar termasuklah tetapi tidak terhad kepada akuakultur dan penternakan sangkar yang lain;

“aktiviti vesel pembinaan” ertinya apa-apa aktiviti pembinaan termasuklah tetapi tidak terhad kepada yang melibatkan kelengkapan barj, pontun penyedut pasir dan kapal penyedut pasir laut dan sebarang aktiviti pembinaan yang lain;

“aktiviti vesel rekreasi” ertinya aktiviti riadah vesel rekreasi termasuklah tetapi tidak terhad kepada yang menggunakan vesel untuk tujuan penghayatan bakau, pemandangan indah, penjelajahan pulau dan sebarang aktiviti vesel rekreasi yang lain;

“aktiviti yang dilesen” ertinya aktiviti yang dikeluarkan lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini;

“drauf vesel” ertinya penunjuk kedalaman maksimum apungan bagi vesel;

“insurans” ertinya kos perlindungan terhadap aktiviti yang dilesen yang ditanggung oleh pemegang lesen;

“jalan air pedalaman” ertinya mana-mana badan perairan, terusan atau sungai di luar kawasan had pelabuhan;

“jeti” ertinya apa-apa struktur jeti, tambatan, tempat menggelungsur, tempat mendarat, pelantar atau apa-apa struktur lain yang mengunjur ke terusan atau sungai, beting pasir, tasik atau tanah perairan atau struktur bersamaan sama ada yang melekat atau terapung, dibina atau didirikan, sebahagian atau keseluruhannya di dalam atau di atas mana-mana kawasan badan perairan yang digunakan untuk tujuan memuat atau memunggah barangan, penumpang naik atau turun atau untuk menambat vesel atau apa-apa aktiviti navigasi lain;

“kelengkapan” ertinya alat-alat yang digunakan untuk menjalankan aktiviti badan perairan;

“Master” ertinya orang yang memerintah atau bertanggungjawab ke atas sesebuah vesel;

“navigasi” ertinya sebarang pelakuan untuk pandu arah vesel;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang diberikan lesen untuk menjalankan aktiviti yang dilesen di bawah Peraturan-Peraturan ini;

“Pengarah” ertinya pegawai yang dilantik sebagai Pengarah Sumber Air menurut seksyen 11 Enakmen;

“penumpang” ertinya mana-mana orang yang dibawa di atas vesel selain daripada Master atau anak-anak kapal;

“peralatan” ertinya perkakasan yang digunakan untuk menyelenggara kelengkapan yang digunakan untuk aktiviti badan perairan;

“rekreasi” ertinya aktiviti riadah bagi mengisi masa lapang; dan

“sekuriti” ertinya apa-apa bayaran deposit yang dikenakan menurut seksyen 48 Enakmen;

BAHAGIAN II

PELESENAN

Permohonan bagi lesen

3. (1) Tertakluk kepada seksyen 44 Enakmen, tiap-tiap permohonan lesen hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama dan disertai dengan fi pemprosesan yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(2) Sesuatu permohonan untuk dua atau lebih lesen hendaklah dibuat dalam borang permohonan yang berasingan.

(3) Sesuatu permohonan bagi aktiviti binaan hendaklah disertai dengan status pemilikan tanah, dan jika tanah tidak dimiliki oleh pemohon, apa-apa kebenaran, persetujuan dan lain-lain bukti bagi tujuan penggunaan tanah bagi tujuan lesen kepada Pengarah.

(4) Pemohon bagi aktiviti binaan hendaklah mengemukakan kebenaran merancang, pelan bangunan atau lain-lain kelulusan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

(5) Pemohon bagi aktiviti binaan hendaklah mematuhi undang-undang berkaitan bangunan, kerja tanah dan sebagainya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], perundangan subsidiari dan undang-undang kecil yang berkaitan.

(6) Fi pemprosesan yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua tidak akan dikembalikan kepada pemohon sama ada permohonan diluluskan atau tidak oleh Pengarah.

Pemberian lesen

4. (1) Apabila permohonan diluluskan, Pengarah hendaklah mengeluarkan lesen tertakluk kepada—

(a) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; dan

(b) penetapan terma dan syarat lesen bagi pematuhannya oleh pemegang lesen yang dinyatakan di dalamnya.

(2) Sesuatu lesen yang diberikan hendaklah dalam Borang B Jadual Ketiga.

Tempoh dan pembaharuan lesen

5. (1) Tertakluk kepada subseksyen 47(2) Enakmen, suatu lesen yang diberikan oleh Pengarah tertakluk kepada pembaharuan setiap lima tahun dari tarikh pemberian atau pembaharuan berikutnya melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam lesen itu.

(2) Sesuatu permohonan untuk pembaharuan sesuatu lesen hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama tidak lewat daripada enam bulan sebelum habis tempoh yang disebut dalam subperaturan (1) dan hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pengarah.

(3) Jika pemohon gagal untuk membuat permohonan bagi pembaharuan dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2), lesen itu hendaklah luput di akhir tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (1) melainkan jika pemohon dibenarkan oleh Pengarah untuk mengemukakan permohonan untuk pembaharuan pada tarikh yang kemudian.

Perubahan butir-butir pemegang lesen

6. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Pengarah secara bertulis, dengan seberapa segera yang mungkin, tentang apa-apa perubahan butir-butir pemegang lesen dan pemberitahuan itu hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua.

Penggantian lesen

7. (1) Jika suatu lesen hilang atau musnah, pemegang lesen hendaklah membuat laporan kepada Pengarah berkenaan dengan kehilangan atau kemusnahan itu.

(2) Suatu permohonan untuk penggantian lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah dan hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pengarah dan fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(3) Jika Pengarah berpuas hati bahawa kehilangan atau kemusnahan suatu lesen bukan disebabkan oleh apa-apa fraud, Pengarah boleh mengeluarkan lesen gantian dalam bentuk yang sama dengan yang asal tetapi dengan perkataan "SALINAN PENDUA" diendoskan pada lesen itu.

(4) Salinan pendua lesen yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan lesen yang asal.

Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen

8. (1) Pemegang lesen hendaklah tertakluk kepada syarat standard yang berikut:

- (a) mengadakan dan menyelenggara suatu daftar yang lengkap dan terperinci berkenaan semua aset mengenai aktiviti yang dilesen sebagaimana yang terpakai, termasuk gambar rajah atau pelan yang bersesuaian dalam apa-apa format atau yang mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah daripada semasa ke semasa;
- (b) memberikan maklumat dalam apa-apa format dan pada lat tempoh tertentu, sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah mengikut Enakmen dan perundangan subsidiarinya;
- (c) pada setiap masa memastikan bahawa kesemua kakitangan pengurusan dan operasi yang utama, ejennya dan subkontraktornya mempunyai dan mengekalkan kelayakannya sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa atau ditetapkan di bawah Enakmen, untuk mengerjakan, menguruskan atau mengendalikan aktiviti yang dilesen;
- (d) mematuhi undang-undang alam sekitar yang berkaitan;
- (e) mematuhi terma dan syarat lesennya, peruntukan Enakmen dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat atau instrumen lain yang dikeluarkan di bawah Enakmen;
- (f) menanggung rugi Kerajaan, Pengarah dan Lembaga terhadap apa-apa tuntutan dan prosiding yang diambil terhadap Kerajaan, Pengarah atau Lembaga yang berbangkit daripada atau disebabkan oleh apa-apa pelanggaran atau kegagalan di pihak pemegang lesen; dan
- (g) mematuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

(2) Pengarah boleh membatalkan, mengubah, menambah atau mengganti apa-apa terma dan syarat lesen.

(3) Suatu permohonan untuk kelulusan di bawah subperaturan (2) hendaklah dikemukakan kepada Pengarah.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan apabila dikehendaki

9. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di lokasi aktiviti yang dilesen dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III**FI, CAJ DAN SEKURITI****Fi lesen**

10. (1) Fi yang hendaklah dibayar berkenaan dengan lesen hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(2) Fi yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibayar kepada Lembaga mengikut apa-apa kaedah dan apa-apa cara sebagaimana yang diputuskan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

Caj aktiviti badan perairan

11. (1) Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti badan perairan hendaklah membayar caj yang ditetapkan dalam Susunan B Jadual Kedua.

(2) Pengarah boleh atas permohonan pemegang lesen mengurangkan atau mengecualikan caj aktiviti badan perairan jika difikirkan patut.

(3) Pemegang lesen hendaklah membuat bayaran cukai jualan dan perkhidmatan bagi caj pengabstrakan sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Cukai Jualan dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*].

(4) Caj yang disebut dalam subperaturan (1) dan subperaturan (3) hendaklah dibayar kepada Lembaga mengikut apa-apa kaedah dan dengan apa-apa cara sebagaimana yang diputuskan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

Sekuriti

12. (1) Tertakluk kepada seksyen 48 Enakmen, jumlah sekuriti bagi lesen ditetapkan dalam Susunan D Jadual Kedua.

(2) Pembayaran sekuriti hendaklah dibuat bersama-sama fi lesen.

(3) Sekiranya Pengarah mendapati bahawa aktiviti yang dilesen itu telah menyebabkan kerosakan kepada mana-mana tempat atau premis pihak ketiga, Pengarah boleh melalui notis bertulis mengarahkan pemegang lesen membaiki pulih kerosakan tersebut dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(4) Kos membaiki pulih menurut subperaturan (3) hendaklah ditanggung oleh pemegang lesen.

(5) Pengarah boleh—

- (a) mengarahkan pemegang lesen untuk menghentikan operasi aktiviti yang dilesen itu serta merta sehingga kerja-kerja membaik pulih selesai;
- (b) mengkehendaki pemegang lesen untuk mengemukakan laporan mengenai kerja-kerja membaik pulih yang dijalankan itu; dan
- (c) mengeluarkan arahan sambung kerja kepada pemegang lesen selepas berpuas hati sepenuhnya dengan kerja-kerja membaik pulih tertakluk kepada subperaturan (7).

(6) Sekiranya pemegang lesen tidak membaik pulih kerosakan itu, Pengarah hendaklah menjalankan atau menyebabkan supaya kerja membaik pulih dan kos sebenar membaik pulih kerosakan itu hendaklah ditolak daripada sekuriti yang dibayar oleh pemegang lesen.

(7) Sekiranya kos sebenar membaik pulih kerosakan yang telah dijalankan oleh Pengarah di bawah subperaturan (6) —

- (a) melebihi sekuriti yang dibayar oleh pemegang lesen bagi membaik pulih kerosakan, pemegang lesen itu hendaklah membayar perbezaan kos sedemikian kepada Pengarah; atau
- (b) kurang daripada sekuriti yang dibayar oleh pemegang lesen bagi membaiki kerosakan, Pengarah hendaklah mengarahkan pemegang lesen untuk menambah sekuriti supaya kekal kepada jumlah yang ditetapkan.

(8) Sekuriti itu hendaklah dikembalikan kepada pemegang lesen dalam tempoh enam bulan selepas aktiviti yang dilesen itu berhenti beroperasi atau lesen tamat, tertakluk kepada pematuhan terma dan syarat lesen.

(9) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Mendapatkan wang yang kena dibayar

13. (1) Apa-apa jumlah wang yang berkenaan dengan aktiviti yang dilesen hendaklah kena dibayar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil, notis, resit atau invois dan jika jumlah itu tidak dibayar sedemikian, jumlah itu boleh didapatkan oleh Pengarah sebagai suatu hutang yang terakru kepada Lembaga melalui tindakan sivil di mahkamah.

(2) Suatu pernyataan bertulis oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah dan diperakui sewajarnya yang menyatakan amaun yang kena dibayar hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai bayaran yang kena dibuat oleh pemegang lesen di bawah subperaturan (1).

BAHAGIAN IV

KAWALAN AKTIVITI BADAN PERAIRAN

*Bab 1**Aktiviti rekreasi sukan air***Kehendak kawalan aktiviti rekreasi sukan air**

14. (1) Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti rekreasi sukan air hendaklah membuat permohonan kepada Pengarah dalam Borang C Jadual Keempat.

(2) Pemegang lesen yang menjalankan aktiviti sukan air hendaklah tidak melebihi kawasan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.

(3) Pemegang lesen hendaklah memasang boya atau tambatan atau apa-apa kaedah penandaan kawasan aktiviti.

(4) Pemegang lesen dikehendaki mengadakan insurans perlindungan kepada aktiviti dan sesalanan insurans itu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah bersama-sama permohonan lesen.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti rekreasi sukan air sentiasa berada dalam kelas atau kategori yang dinyatakan dalam lesen dan tidak akan menyebabkan perubahan atau kerosakan pada struktur badan perairan itu.

(6) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu tempat khas untuk dijalankan kerja-kerja penyelenggaraan kelengkapan yang bersesuaian.

(7) Kawasan kerja penyelenggaraan itu hendaklah berada dalam keadaan baik sepanjang masa dan tidak mencemarkan badan perairan.

(8) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Kawalan mitigasi

15. (1) Pengarah boleh mengkehendaki mana-mana orang yang menjalankan aktiviti rekreasi sukan air untuk mengemukakan perancangan kawalan mitigasi, kaedah pelan kontigensi dan pelan pemulihan merangkumi asas tapak kerja, pembaikan di luar tapak kerja dan langkah-langkah yang difikirkan perlu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Keselamatan aktiviti rekreasi sukan air

16. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti rekreasi sukan air sentiasa berada dalam keadaan selamat pada setiap masa dan praktikal bagi membolehkan aktiviti dijalankan tanpa gangguan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti rekreasi sukan air dilarang berada di dalam kawasan laluan trafik vesel dari mana-mana anak sungai atau alur sungai pada mana-mana masa dalam mana-mana keadaan yang boleh menghalang trafik ke hulu dan hilir laluan layar tersebut.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Bab 2

Aktiviti vesel rekreasi

Kehendak kawalan vesel rekreasi

17. (1) Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti vesel rekreasi hendaklah membuat permohonan kepada Pengarah dalam Borang D Jadual Kelima.

(2) Pemegang lesen yang menjalankan aktiviti vesel rekreasi hendaklah tidak melebihi kawasan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.

(3) Pemegang lesen dikehendaki mengadakan insurans perlindungan kepada aktiviti vesel rekreasi dan sesalinan insurans itu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah bersama-sama permohonan lesen.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti vesel rekreasi sentiasa berada dalam kelas atau kategori yang dinyatakan dalam lesen dan tidak akan menyebabkan perubahan atau kerosakan pada struktur badan perairan itu.

(5) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu tempat khas untuk dijalankan kerja-kerja penyelenggaraan kelengkapan yang bersesuaian.

(6) Kawasan kerja penyelenggaraan itu hendaklah berada dalam keadaan baik sepanjang masa dan tidak mencemarkan badan perairan.

(7) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Kawalan mitigasi

18. (1) Pengarah boleh mengkehendaki mana-mana orang yang menjalankan aktiviti vesel rekreasi untuk mengemukakan perancangan kawalan mitigasi, kaedah pelan kontigensi dan pelan pemulihan merangkumi asas tapak kerja, pembaikan di luar tapak kerja dan langkah-langkah yang difikirkan perlu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Keselamatan aktiviti vesel rekreasi

19. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti vesel rekreasi sentiasa berada dalam keadaan selamat dan praktikal bagi membolehkan aktiviti dijalankan tanpa gangguan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti vesel rekreasi dilarang berada di dalam kawasan laluan trafik vesel dari mana-mana anak sungai atau alur sungai pada mana-mana masa dalam mana-mana keadaan yang boleh menghalang trafik ke hulu dan hilir laluan layar tersebut.

*Bab 3**Aktiviti vesel pembinaan***Kehendak kawalan aktiviti vesel pembinaan**

20. (1) Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti vesel pembinaan hendaklah membuat permohonan kepada Pengarah dalam Borang E Jadual Keenam.

(2) Pemegang lesen yang menjalankan aktiviti vesel pembinaan hendaklah tidak melebihi kawasan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.

(3) Pemegang lesen dikehendaki mengadakan insurans perlindungan kepada aktiviti vesel pembinaan dan sesalinan insurans itu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah bersama-sama permohonan lesen.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti vesel pembinaan sentiasa berada dalam kelas atau kategori yang dinyatakan dalam lesen dan tidak akan menyebabkan perubahan atau kerosakan pada struktur badan perairan itu.

(5) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu tempat khas untuk dijalankan kerja-kerja penyelenggaraan kelengkapan yang bersesuaian.

(6) Kawasan kerja penyelenggaraan itu hendaklah berada dalam keadaan baik sepanjang masa dan tidak mencemarkan badan perairan.

(7) Pemegang lesen bagi aktiviti vesel pembinaan hendaklah pada masa yang sama memohon lesen pelepasan efluen daripada Lembaga.

(8) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Kawalan mitigasi

21. (1) Pengarah boleh mengkehendaki mana-mana orang yang menjalankan aktiviti vesel pembinaan untuk mengemukakan perancangan kawalan mitigasi, kaedah pelan kontigensi dan pelan pemulihan merangkumi asas tapak kerja, pembaikan di luar tapak kerja dan langkah-langkah yang difikirkan perlu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Keselamatan aktiviti vesel pembinaan

22. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti vesel pembinaan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan praktikal bagi membolehkan aktiviti dijalankan tanpa gangguan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti vesel pembinaan dilarang berada di dalam kawasan laluan trafik vesel dari mana-mana anak sungai atau alur sungai pada mana-mana masa dalam mana-mana keadaan yang boleh menghalang trafik ke hulu dan hilir laluan layar tersebut.

*Bab 4**Aktiviti sangkar***Kehendak kawalan aktiviti sangkar**

23. (1) Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti sangkar hendaklah membuat permohonan kepada Pengarah dalam Borang F Jadual Ketujuh.

(2) Pemegang lesen yang menjalankan aktiviti sangkar hendaklah tidak melebihi kawasan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.

(3) Pemegang lesen dikehendaki mengadakan insurans perlindungan kepada aktiviti sangkar dan sesalanan insurans itu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah bersama-sama permohonan lesen.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti sangkar sentiasa berada dalam kelas atau kategori yang dinyatakan dalam lesen dan tidak akan menyebabkan perubahan atau kerosakan pada struktur badan perairan itu.

(5) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu tempat khas untuk dijalankan kerja-kerja penyelenggaraan kelengkapan yang bersesuaian.

(6) Kawasan kerja penyelenggaraan itu hendaklah berada dalam keadaan baik sepanjang masa dan tidak mencemarkan badan perairan.

(7) Pemegang lesen bagi aktiviti sangkar hendaklah pada masa yang sama memohon lesen pelepasan efluen daripada Lembaga.

(8) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Kawalan mitigasi

24. (1) Pengarah boleh mengkehendaki mana-mana orang yang menjalankan aktiviti sangkar untuk mengemukakan perancangan kawalan mitigasi, kaedah pelan kontigensi dan pelan pemulihan merangkumi asas tapak kerja, pembaikan di luar tapak kerja dan langkah-langkah yang difikirkan perlu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Keselamatan aktiviti sangkar

25. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti sangkar sentiasa berada dalam keadaan selamat dan praktikal bagi membolehkan aktiviti dijalankan tanpa gangguan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti sangkar dilarang berada di dalam kawasan laluan trafik vesel dari mana-mana anak sungai atau alur sungai pada mana-mana masa dalam mana-mana keadaan yang boleh menghalang trafik ke hulu dan hilir laluan layar tersebut.

*Bab 5**Aktiviti binaan***Kehendak kawalan aktiviti binaan**

26. (1) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti binaan hendaklah membuat permohonan kepada Pengarah dalam Borang G Jadual Kelapan.

(2) Pemegang lesen yang menjalankan aktiviti binaan hendaklah tidak melebihi kawasan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.

(3) Pemegang lesen dikehendaki mengadakan insurans perlindungan kepada aktiviti binaan dan sesalanan insurans itu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah bersama-sama permohonan lesen.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti binaan sentiasa berada dalam kelas atau kategori yang dinyatakan dalam lesen dan tidak akan menyebabkan perubahan atau kerosakan pada struktur badan perairan itu.

(5) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu tempat khas untuk dijalankan kerja-kerja penyelenggaraan kelengkapan yang bersesuaian.

(6) Kawasan kerja penyelenggaraan itu hendaklah berada dalam keadaan baik sepanjang masa dan tidak mencemarkan badan perairan.

(7) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Kawalan mitigasi

27. (1) Pengarah boleh mengkehendaki mana-mana orang yang menjalankan aktiviti binaan untuk mengemukakan perancangan kawalan mitigasi, kaedah pelan kontigensi dan pelan pemulihan merangkumi asas tapak kerja, pembaikan di luar tapak kerja dan langkah-langkah yang difikirkan perlu.

(2) Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk melepaskan sebarang kumbahan atau efluen ke dalam badan perairan.

(3) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kaedah pelupusan efluen kepada Pengarah bersama-sama permohonan lesen.

(4) Pemegang lesen bagi aktiviti binaan hendaklah pada masa yang sama memohon lesen pelepasan efluen daripada Lembaga.

(5) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Keselamatan aktiviti binaan

28. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti binaan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan praktikal bagi membolehkan aktiviti dijalankan tanpa gangguan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti binaan dilarang berada di dalam kawasan laluan trafik vesel dari mana-mana anak sungai atau alur sungai pada mana-mana masa dalam mana-mana keadaan yang boleh menghalang trafik ke hulu dan hilir laluan layar tersebut.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Bab 6

Navigasi jalan air pedalaman

Laluan layar selamat

29. (1) Setiap vesel yang belayar ke bahagian hulu atau hilir sungai, hendaklah apabila ianya selamat dan praktikal, sentiasa berada di laluan layar yang selamat atau di pertengahan sungai di sebelah kanan vesel tersebut.

(2) Apabila dua buah vesel belayar pada arah yang bertentangan, sekiranya sebuah vesel menghala ke hulu sungai manakala sebuah vesel lagi menghala ke hilir sungai, menghampiri satu sama lain yang boleh mengakibatkan risiko pelanggaran, kedua-dua vesel tersebut hendaklah melepasi satu sama lain di bahagian sebelah kiri laluan layar vesel masing-masing.

(3) Setiap vesel yang belayar dari sebelah ke sebelah lain sungai hendaklah belayar pada waktu yang sesuai dengan mengambil kira vesel lain yang belayar ke hulu dan ke hilir sungai, dan hendaklah belayar tanpa menyebabkan halangan, kecederaan atau kerosakan kepada mana-mana vesel lain.

(4) Sesebuah vesel tidak boleh berada di laluan layar sungai dari mana-mana anak sungai atau alur sungai pada mana-mana masa dalam mana-mana keadaan yang boleh menghalang navigasi ke hulu dan hilir laluan layar tersebut.

(5) Tertakluk kepada subperaturan (2), vesel yang belayar melawan arus dalam semua keadaan hendaklah jika perlu memperlahankan had lajunya dan memberi laluan kepada vesel yang belayar mengikut arus, dan apabila vesel menghampiri satu sama lain yang boleh mengakibatkan risiko pelanggaran, kemudi hendaklah diletakkan pada sebelah kanan dan jika perlu enjin hendaklah dimatikan atau mengundur.

(6) Mana-mana orang yang mengendalikan vesel yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Operasi feri

30. Vesel yang berulang alik sebagai feri apabila melintasi secara terus dari sebelah ke sebelah lain sungai hendaklah memberikan laluan vesel yang belayar ke hulu dan ke hilir sungai.

Keperluan mengurangkan had laju

31. (1) Setiap vesel yang belayar melawan arus sungai hendaklah mengelak risiko pelanggaran memperlahankan kelajuan atau berhenti apabila menghampiri atau semasa mengelilingi mana-mana tempat atau selekoh yang tajam bagi membenarkan mana-mana vesel yang belayar mengikut arus melepainya.

(2) Apabila mana-mana vesel menghampiri mana-mana vesel yang belayar atau vesel yang ditunda atau belayar menggunakan pengayuh, bergerak bertentangan arah, kelajuan vesel tersebut, hendaklah jika perlu, diperlahankan apabila ia berada dalam jarak tiga puluh meter, dan sehingga ia melepasi vesel tersebut.

Vesel di dalam keadaan bahaya atau tidak selamat

32. (1) Vesel yang berada di dalam keadaan berbahaya atau tidak selamat, tidak dibenarkan untuk belayar di luar kawasan jeti kecuali bagi pemunggaan atau pembaikan.

(2) Mana-mana vesel yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Vesel hendaklah dikemudikan oleh orang yang berkelayakan

33. (1) Setiap vesel semasa belayar hendaklah dikemudikan oleh seorang Master yang berkelayakan dan mempunyai bilangan anak kapal yang mencukupi dan berpengalaman, dan hendaklah menugaskan seorang pada siang hari dan dua orang pada waktu malam di bahagian hadapan vesel sebagai pemerhati untuk memberi maklumat dalam masa yang wajar berkenaan sebarang halangan atau bahaya.

(2) Master hendaklah memperolehi sijil kecekapan untuk belayar yang diiktiraf di bawah *Merchant Shipping Ordinance 1952 [Ordinance 70/1952]* sebelum boleh mengendalikan sesebuah vesel di jalan air pedalaman kecuali bagi nelayan untuk tujuan perikanan sara diri yang berdaftar di bawah Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*].

(3) Mana-mana orang yang mengendalikan vesel yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Keselamatan vesel

34. (1) Setiap vesel yang menggunakan badan perairan, terusan atau sungai hendaklah pada setiap masa mempunyai peralatan keselamatan dan Sistem Pengenalatan Automatik Radar seperti yang dikehendaki oleh *Merchant Shipping (Collision Regulations) Order 1984 [P.U. (A) 438/84]*.

(2) Vesel tidak boleh dimuatkan dengan barangan atau penumpang yang melebihi penanda maksimum drauf vesel tersebut.

(3) Sesebuah vesel yang dibenarkan atau dilesenkan untuk membawa penumpang hendaklah tidak membawa penumpang melebihi bilangan yang dibenarkan di dalam lesen.

(4) Mana-mana vesel yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

Kerosakan akibat ombak

35. Setiap vesel, hendaklah apabila belayar di mana-mana jalan air pedalaman, hendaklah dikemudikan sebaiknya supaya tidak menimbulkan risiko pelanggaran dan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kerosakan yang disebabkan oleh ombak yang dihasilkan oleh vesel tersebut kepada mana-mana vesel lain, individu atau harta yang diangkut melalui air atau tebing sungai.

BAHAGIAN IV

AM

Salinan lesen diperakui sah

36. (1) Pemegang lesen boleh memohon kepada Pengarah secara bertulis untuk mendapatkan suatu salinan diperakui sah lesen.

(2) Setelah dibayar fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua, Pengarah hendaklah memberikan suatu salinan diperakui sah lesen yang berkaitan kepada pemegang lesen itu.

Penyerahan balik lesen

37. (1) Pemegang lesen boleh menyerahkan balik lesennya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik dan lesen tersebut hendaklah dibatalkan oleh Pengarah.

(2) Pembatalan lesen itu hendaklah berkuat kuasa serta-merta atau pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Pengarah hendaklah menyebabkan satu notis berhubung penyerahan balik lesen itu dimaklumkan kepada orang awam dengan menampalkan sesalinan notis itu di pejabat Lembaga.

Carian

38. (1) Mana-mana orang pada bila-bila masa dalam waktu pejabat yang biasa, tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua dan apa-apa syarat lain, jika ada, yang boleh dikenakan, membuat semakan dan mengambil nota atau cabutan daripada—

(a) mana-mana daftar lesen; dan

(b) apa-apa instrumen urus niaga atau permohonan yang dikemukakan atau dibuat kepada atau dalam jagaan Pengarah.

(2) Mana-mana orang boleh memohon kepada Pengarah untuk membuat carian rasmi berkenaan dengan mana-mana lesen.

(3) Suatu permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua dan Pengarah hendaklah secepat mungkin setelah menerima permohonan itu, mengeluarkan kepada pemohon itu satu sijil carian rasmi di bawah tandatangan dan meterainya, dengan maklumat berkenaan lesen yang berdaftar itu.

(4) Suatu salinan yang diakui sah mana-mana dokumen yang difailkan atau diserahkan simpan pada Pengarah boleh digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang.

Pelanjutan masa

39. Walau apa-apa jua yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini atau apa-apa permintaan oleh Pengarah, jika suatu tempoh masa dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana permintaan oleh Pengarah supaya sesuatu tindakan dibuat atau sesuatu syarat dipenuhi, orang yang berkenaan boleh memohon pelanjutan masa secara bertulis dan Pengarah atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membenarkan pelanjutan masa itu sebagaimana yang disifatkan patut olehnya.

Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain

40. Pengeluaran mana-mana lesen atau kebenaran di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang menghendaki kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan pemegang lesen tidak dikecualikan daripada mematuhi kehendak undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan kebenaran atau kelulusan itu.

BAHAGIAN VI

KECUALIAN

Kecualian

41. (1) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan itu hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini hingga dibatalkan atau tamat tempohnya.

(2) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah dikecualikan daripada kehendak memegang lesen di bawah Enakmen.

(3) Walau apapun pengecualian yang diberikan di bawah subperaturan (2), Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah dikehendaki untuk mematuhi kewajipan dan obligasi, kecuali pembayaran apa-apa fi dan caj, di bawah Enakmen seolah-olah ia merupakan pemegang lesen.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 3(1)/*Subregulation 3(1)*]

BORANG A/FORM A

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008
KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015
KEDAH WATER RESOURCES
(WATER BODY ACTIVITIES) REGULATIONS 2015

PERMOHONAN LESEN/PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN/ AKTIVITI
BADAN PERAIRAN
APPLICATION FOR LICENCE/APPLICATION FOR RENEWAL OF WATER BODY
ACTIVITIES LICENCE

1. Jenis permohonan
Types of application

(a) Permohonan baru*
*New application**

(b) Pembaharuan*
*Renewal **

* Nota: sesuatu permohonan untuk dua lesen atau lebih perlu dibuat dalam borang permohonan yang berasingan, setiapnya disokong dengan maklumat yang berkaitan.

* *Note: an application for two or more licence shall be made in separate application forms, each supported by the relevant information.*

A. BUTIRAN PEMOHON
PARTICULARS OF APPLICANT

1. Nama Pemohon dan No. Syarikat
Name of Applicant and Company No.

2. Alamat Berdaftar
Registered Address

No. Telefon
Telephone No.

No. Faks
Faks No.

Alamat E-mel
E-mail address

3. Tempat Perniagaan Utama
Principal Place of Business

No. Telefon
Telephone No.

No. Faks
Fax No.

Alamat E-mel
E-mail address

4. Perihal kemudahan atau perkhidmatan yang dikendalikan atau disediakan dan lokasi kemudahan
Description of the facilities or services to be operated or provided and location of the facilities

5. Kawasan yang dicadangkan di mana aktiviti dijalankan
Proposed area in which activity is to be

B. MAKLUMAT
INFORMATION

1. Butir-butir dua pengurus atau seorang pengurus dan setiausaha syarikat pemohon yang boleh dihubungi untuk maklumat lanjut.
Particulars of two persons namely two directors or a director and the company secretary of the applicant who may be contacted for further information.

<i>Nama Name</i>	<i>Jawatan Position</i>	<i>No. Telefon Telephone No.</i>	<i>Alamat Address</i>

2. Kesemua maklumat lain yang dikehendaki di bawah seksyen 44, Enakmen Sumber Air Kedah 2008 dan peraturan 8, Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015 adalah dikepilkan sebagai lampiran kepada permohonan ini.
All other information required under section 44, Kedah Water Resources Enactment 2008 and subregulation 8, Kedah Water Resources Regulation (Water Body Activities) 2015 are enclosed as appendixes to this application.
3. Apa-apa maklumat tambahan yang dianggap relevan kepada permohonan ini
Any additional information considered relevant to this application

Kami, _____, pemohon mengaku dan mengesahkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 60] yang berikut:
We, _____, the applicant declare and confirm in accordance with the provisions of the Statutory Declaration Act 1960 [Act 60] of the following:

- (a) kami telah mematuhi seksyen 44, Enakmen Sumber Air Kedah 2008;
we have complied with section 44, Kedah Water Resources Enactment 2008;
- (b) sepanjang pengetahuan kami, tiada penerimaan atau penerima dan pengurus telah dilantik berkenaan dengan perniagaan, aset atau perusahaan kami;
to the best of our knowledge, no receiver or receiver and manager has been appointed in respect of our business, assets or undertaking;
- (c) kami tidak membuat apa-apa kompromi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutang dan tidak bercadang, pada masa permohonan ini dibuat, untuk membuat kompromi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutang;
we have not entered into a compromise or arrangement with creditors and not intending, at the time of this application, to enter into a compromise or arrangement with creditors;
- (d) sepanjang pengetahuan kami, tiada petisyen untuk menggulung telah dikemukakan dalam mahkamah dan tiada petisyen untuk menggulung dan dikemukakan dalam mahkamah; dan
to the best of our knowledge, there is no winding up petition presented in court and no winding up petition is to be presented in court; and

- (e) kami layak untuk memohon lesen individu di bawah Enakmen Sumber Air Kedah 2008 dan semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini dan dalam lampiran yang dikepilkan bersama adalah benar dan tepat.
we are eligible to apply for an individual licence under the Kedah Water Resources Enactment 2008 and all information given in this application and in the attached appendixes are true and accurate.

Tarikh
Date

Ditandatangani oleh
Signed by

Untuk dan bagi pihak
For and on behalf of

Catatan:

Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu diparapkan oleh penandatangan permohonan ini.

Note:

If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application

JADUAL KEDUA

SUSUNAN A

(1)	(2) Fi	(3) Jumlah (RM)
1.	Fi pemprosesan [subperaturan 3(1)]	150.00
2.	Fi bagi penukaran maklumat dalam lesen [peraturan 6]	50.00
3.	Fi bagi penggantian lesen [subperaturan 7(2)]	100.00
4.	Fi lesen [subperaturan 10(1)] (a) aktiviti rekreasi sukan air (b) aktiviti vesel rekreasi (c) aktiviti vesel pembinaan (d) aktiviti sangkar (e) aktiviti binaan	500.00/setahun 500.00/setahun 500.00/setahun 500.00/setahun 500.00/setahun
5.	Fi permohonan salinan lesen diperakui benar [subperaturan 36(2)]	50.00
6.	Carian persendirian [subperaturan 38(1)]	10.00
7.	Carian rasmi [subperaturan 38(3)]	30.00

* Walau apapun yang disebut oleh subperaturan 10(1), bagi tujuan “one off” bayaran fi lesen yang terpakai adalah seperti ruangan 3 Susunan A.

SUSUNAN B

[Subperaturan 11(1)]

(1)	(2) Caj	(3) Jumlah (RM)/tahun
1.	Aktiviti rekreasi sukan air	10.00/unit
2.	Aktiviti vesel rekreasi	10.00/unit
3.	Aktiviti vesel pembinaan (a) pontun (b) vesel mengikut kelas :	500.00
	kelas I : 0 – 500 tan	500.00
	kelas II : 501 – 1000 tan	1000.00
	kelas III : 1001 – 2000 tan	2000.00
	kelas IV : 2001 – 3000 tan	3000.00
	kelas V : 3001 – 4000 tan	4000.00
	kelas VI : 4001 – 5000 tan	5000.00
	kelas VII : 5001 dan ke atas	6000.00
4.	Aktiviti sangkar	0-200 meter ² pertama = 200.00 untuk 1 m ² seterusnya= 2.00
5.	Aktiviti binaan (a) sebarang jenis binaan (b) tambatan vesel	0- 200 meter ² pertama = 200.00 untuk 1 m ² seterusnya= 2.00 100.00

SUSUNAN C

[Subperaturan 12(1)]

(1)	(2) Sekuriti	(3) Jumlah (RM)
1.	Aktiviti sukan air	5000.00
2.	Aktiviti vesel rekreasi	5000.00
3.	Aktiviti vesel pembinaan (a) pontun (b) vesel	5000.00 20000.00
4.	Aktiviti sangkar	5000.00
5.	Aktiviti binaan	10000.00

JADUAL KETIGA

[Subperaturan 4(2)/*Subregulation 4(2)*]BORANG B/*FORM B*ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008
*KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008*PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015
*KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES)
REGULATIONS 2015***LESEN AKTIVITI BADAN PERAIRAN
WATER BODY ACTIVITIES LICENCE**ASAL
*ORIGINAL*No. Siri
*Serial No.*No. Lesen
*Licence No.*MENURUT SEKSYEN 44(1), ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008
*PURSUANT TO SECTION 44(1), KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT
2008*1. Lesen diberikan kepada
*A licence is granted to*Beralamat di
*Addressed*Untuk menjalankan aktiviti
*To carry out activity of*Lokasi aktiviti yang dilesen
*The location of licenced activities*2. Lesen hendaklah berkuat kuasa dari hingga
The licence shall be effective from until

Melainkan dibatalkan mengikut seksyen 52, Enakmen Sumber Air Kedah 2008, atau ditamatkan mengikut seksyen 53, Enakmen Sumber Air Kedah 2008 dan diperbaharui mengikut peraturan 5, Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015.

Unless revoked in accordance with section 52, Kedah Water Resources Enactment 2008 or terminated in accordance with section 53, Kedah Water Resources Enactment 2008, and renewed in accordance with regulation 5, Kedah Water Resources Regulations (Water Body Activities) 2015.

3. Lesen hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut
The licence shall be the subject to the following conditions

Syarat-syarat standard lesen yang berikut
The following standard licence conditions

Syarat-syarat khas yang berikut
The following special conditions

Bertarikh
Dated

Pengarah Sumber Air/*Water Resources Director*
Lembaga Sumber Air Negeri Kedah/*Kedah Water Resources Board*

JADUAL KEEMPAT

[Subperaturan 14(1)/*Subregulation 14(1)*]

BORANG C/*FORM C*

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008
KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015
KEDAH WATER RESOURCES REGULATIONS
(*WATER BODY ACTIVITIES*) 2015

AKTIVITI REKREASI SUKAN AIR/
RECREATIONAL WATER SPORTS ACTIVITIES

BUTIRAN AKTIVITI
PARTICULARS OF ACTIVITY

1. Kelengkapan yang digunakan
Equipment used
- | | | |
|--|---|------|
| i. Jet ski
<i>Jet ski</i> | = | unit |
| ii. <i>Banana boat</i>
<i>Banana boat</i> | = | unit |
| iii. Selam skuba
<i>Scuba diving</i> | = | unit |
| iv. Kanu
<i>Canoe</i> | = | unit |
| v. Parasailing
<i>Parasailing</i> | = | unit |
| vi. Boat kayuh
<i>Paddle boat</i> | = | unit |
| vii. Lain-lain (nyatakan)
<i>Others (specify)</i> | | |

2. Keluasan kawasan operasi
Area of operation
3. Lokasi operasi
Location of operation
4. Koordinat
Coordinates
5. Hari beroperasi
Operational day
6. Waktu operasi
Operational time
7. Catatan
Note

Tarikh
Date

Ditandatangani oleh
Signed by

Untuk dan bagi pihak
For and on behalf of

Catatan:

Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu dipaparkan oleh pendaftar permohonan ini.

Note:

If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application.

JADUAL KELIMA

[Subperaturan 17(1)/*Subregulation (17)1*]

BORANG D/*FORM D*

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008
KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015
*KEDAH WATER RESOURCES REGULATIONS
(WATER BODY ACTIVITIES) 2015*

AKTIVITI VESEL REKREASI/ *RECREATIONAL VESSEL ACTIVITIES*

BUTIRAN AKTIVITI
PARTICULARS OF ACTIVITY

1. Jenis vesel
Type of vessel
2. No. pendaftaran vesel
Vessel registration no.

-
3. Kawasan aktiviti vesel
Vessel activity area
 4. Koordinat kawasan operasi
Coordinates operational area
 5. Bilangan penumpang dalam vesel
No. of passengers in the vessel
 6. Hari operasi
Operational days
 7. Waktu operasi
Operational time
 8. Catatan
Note

Tarikh
Date

Ditandatangani oleh
Signed by

Untuk dan bagi pihak
For and on behalf of

Catatan:

Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu dipaparkan oleh penandatangan permohonan ini.

Note:

If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application.

JADUAL KEENAM

[Subperaturan 20(1)/Subregulation 20(1)]

BORANG E/*FORM E*

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008
KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015
KEDAH WATER RESOURCES REGULATIONS
(WATER BODY ACTIVITIES) 2015

AKTIVITI VESEL PEMBINAAN/*VESSEL CONSTRUCTION ACTIVITIES*

BUTIRAN AKTIVITI
PARTICULARS OF ACTIVITY

1. Jenis vesel
Type of vessel
2. Bilangan vesel
No. of vessel
3. Berat vesel tanpa muatan
Nett weight of the vessel tan/tonne

-
4. Berat vesel dengan muatan (berat maksima) tan/tonne
Gross weight of the vessel (maximum weight)
 5. No pendaftaran vesel
Vessel registration no.
 6. Jenis muatan
Type of loading
 7. Lokasi operasi
Location of operation
 8. Berat pontun
Pontoon weight
 9. Jentera lain yang digunakan
Other machinery used
 10. Status Lesen Pelepasan Efluen
Status of Effluent Discharge Licence
 11. Catatan
Note

Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu dipaparkan oleh penandatanganan permohonan ini.

Note: If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application.

JADUAL KETUJUH

[Subperaturan 23(1)/Subregulation 23(1)]

BORANG F/FORM F

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008
KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015
*KEDAH WATER RESOURCES REGULATIONS
(WATER BODY ACTIVITIES) 2015*

AKTIVITI SANGKAR/CAGE ACTIVITIES

BUTIRAN AKTIVITI *PARTICULARS OF ACTIVITY*

1. Keluasan sangkar m²
Cage area
2. Jenis sangkar (bahan binaan)
Type of cage (materials)
3. Ternakan akuakultur
Aquaculture

-
4. Kawasan aktiviti
Activity area
 5. Koordinat
Coordinates
 6. Status Lesen Pelepasan Efluen
Status of Effluent Discharge Licence
 7. Catatan
Note

Tarikh
Date

Ditandatangani oleh
Signed by

Untuk dan bagi pihak
For and on behalf of

Catatan:

Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu dipaparkan oleh penandatangan permohonan ini.

Note:

If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application.

JADUAL KELAPAN

[Subperaturan 26(1)/Subregulation 26(1)]

BORANG G/FORM G

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008
KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015
*KEDAH WATER RESOURCES REGULATIONS
(WATER BODY ACTIVITIES) 2015*

AKTIVITI BINAAN/*CONSTRUCTION ACTIVITIES*

BUTIRAN AKTIVITI
PARTICULARS OF ACTIVITY

1. Bentuk binaan *kekal/semntara
Form of building *permanent/temporary*

2. Jenis binaan
Type of construction
3. Jenis bahan binaan
Type of building materials
4. Keluasan binaan m²
Built-up area
5. Kawasan binaan
Built-up location
6. Koordinat
Coordinates
7. Status pemilikan tanah
Land ownership status
8. Jenis kumbahan (jika ada)
Sewage type
9. Cara pelupusan
Methods of disposal
10. Tahun dibina (jika binaan sudah siap)
Year built (if the building is ready)
11. Tarikh jangkaan siap (jika kerja-kerja binaan sedang dijalankan)
Expected date of completion (if the construction works being carried out)
12. Catatan
Note

Tarikh
Date

Ditandatangani oleh
Signed by

Untuk dan bagi pihak
For and on behalf of

**Potong yang mana tidak berkenaan*
**Delete whichever is not applicable*

Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu dipaparkan oleh pemandatangan permohonan ini.

If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application.

Bertarikh:
(LSAN(K) 01/2015/0010/; PUN(K) 100-1/1/2-2 Jld. 2 No. 7]

DATO' SERI HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR
Pengerusi
Lembaga Sumber Air Negeri Kedah